

Umat Islam umat terbaik

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

Firman Allah SWT yang bermaksud: Mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) tidak sekali-kali akan membahayakan kamu, kecuali menyakiti (perasaan kamu dengan ejekan dan tuduhan yang tidak berasas). Dan jika mereka memerangi kamu, mereka akan berpaling lari membelakangkan kamu (kalah dengan sehina-hinanya), sesudah itu mereka tidak akan mencapai kemenangan. Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencero bohi (hukum-hukum Allah). (ali-'Imran: 111-112).

DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SEIHKH Muhammad Abu Zahrah berkata: Selepas Allah menceritakan dalam ayat-ayat terdahulu berkenaan kelebihan orang yang beriman daripada yang lain kerana mereka mengambil hukum Islam, mengambil hidayah daripadanya, membentuk jemaah yang utama lagi mulia, yang beriman dengan Allah melakukan amal makruf nahi munkar dan begitu juga saling berpesan dengan kebenaran dan kesabaran.

Kemudian Allah menceritakan pula golongan ahli kitab yang memusuhi orang Islam.

Ayat ke-111

Firman Allah SWT yang bermaksud: Mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) tidak sekali-kali akan membahayakan kamu, kecuali menyakiti (perasaan kamu dengan ejekan dan tuduhan yang tidak berasas). Dan jika mereka memerangi kamu, mereka akan berpaling lari membelakangkan kamu (kalah dengan sehina-hinanya), sesudah itu mereka tidak akan mencapai kemenangan.

Sebab Nuzul

Ayat ini diturunkan kerana ketua-ketua orang Yahudi di Madinah



UMAT Islam perlu menguasai ilmu untuk muncul sebagai umat terbaik.

- Gambar hiasan

telah mengganggu dan menyakiti orang-orang yang masuk Islam dari golongan mereka seperti Abdullah bin Salam dan sahabat-sahabatnya. Oleh yang demikian Allah SWT menurunkan ayat ini.

Iktibar dan fiqh ayat

i. Ibn Kathir berkata: "Allah mengkhabarkan kepada hamba-Nya yang beriman berita gembira tentang kemenangan mereka terhadap ahli kitab dan golongan kafir".

ii. Al-Alusi berkata: "Ayat ini menjadi dalil yang nyata berkenaan dengan kenabian Muhammad SAW kerana perkhabaran yang ghaib telah mengesahkan realiti yang sebenar.

iii. Al-Hassan berkata: "Dakwaan mereka adalah pendustaan terhadap Allah".

Ringkasnya, mereka ini tidak lagi memiliki harga diri dan rasa kebesaran kerana kekuasaan dan kerajaan telah hilang daripada diri mereka.

Sesungguhnya rasa kebesaran itu hanya dapat kembali semula kepada mereka dengan bantuan orang luar serta melalui dua bentuk perjanjian, iaitu perjanjian yang telah ditetapkan Allah SWT dan perjanjian yang berlaku di kalangan manusia.

iv. Muhammad Quraish Shihab berkata: "Kata *yadhurrikum* diambil dari kata *dharar*, yang difahami oleh ulama dalam erti menyakiti badan, sedang kata *adza* difahami dalam erti gangguan yang menyentuh perasaan yang amat terkesan dalam jiwanya.

Sebab itu terjemahan di atas menggunakan kata tetapi gangguan-gangguan saja. Ada juga yang memahami kata *adza* sebagai mudarat sehingga mereka menterjemahkannya: Sekali-kali mereka tidak akan dapat membuat mudarat kepada kamu,

kecuali mudarat yang bersifat cemuhan sahaja.

v. Hamka berkata: "Orang yang beriman bersedia mati syahid dalam imannya. Si fasiq hanya mencintai hidup.

Oleh sebab itu peringatan yang dikemukakan Tuhan di dalam ayat ini untuk kita jadikan pedoman mengukuhkan semangat Islam dengan terus berdakwah, berani menegakkan kebenaran dan berjihad di jalan Allah SWT.

Dalam ayat ini ada tiga kegembiraan daripada perkhabaran yang ghaib iaitu:

i. Gangguan musuh-musuh Islam tidak akan menjejaskan umat Islam.

ii. Jika mereka menentang umat Islam di medan pertempuran mereka akan undur kerana kekalahan yang dialami sangat teruk.

iii. Mereka tidak mendapat pertolongan.

Ketiga-tiga kegembiraan ini benar-benar telah berlaku. Benarlah janji-janji Allah SWT dan akhirnya orang-orang Islam akan memelihara agamanya dengan penuh keikhlasan dan kejujuran.

Ayat ke-112

Firman Allah SWT yang bermaksud: Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencero bohi (hukum-hukum Allah).

Iktibar dan fiqh ayat

i. Ibn Jauzi berkata: "Maksud tali di sini ialah perjanjian. Inilah pendapat Ibn Abbas, Ata', al-Dhahaq, al-Qatadah, al-Suddi dan Ibn Zaid.

ii. Sheikh Muhammad Abu Zahrah berkata: "Allah sifatkan orang yang beriman dengan tiga sifat iaitu:

* Bersyukur kerana syukur itu pertama ketaatan.

* Sabar kerana iman hasil yang pertama dari syukur membawa menahan pencegahan daripada mengikut hawa nafsu.

* Reda.

Mereka (bangsa Yahudi) tetap berada dalam suasana yang bercerai-berai di mana-mana penjurong dunia mereka berada dan dianggap golongan minoriti, memencil dari penguasaan teknik berperang, menjauhkan diri daripada kegiatan bertani.

Ini kerana mereka sibuk memusatkan perhatian kepada manipulasi kekayaan dengan cara yang paling mudah dan pengembangan keuntungan yang paling besar, dan dengan risiko yang paling kecil, iaitu melalui amalan riba.

Allah SWT telah menyebabkan punca mereka melakukan perbuatan yang seperti itu menerusi firman Allah SWT.

iii. Muhammad Quraish Shihab berkata: "Kata *habl* atau tali dalam ayat ini diulang dua kali dan keduanya dijelaskan dari siapa.

"Yang pertama dari Allah SWT dan kedua dari manusia. Pengulangan kata yang sama dengan bentuk definisi yang sama mengisyaratkan bahawa ia adalah berbeza di antara satu sama lain. Tali yang dihulur oleh Allah SWT adalah tali agama.

"Jika berpegang teguh dengannya mereka tidak akan terkena balasan yang disebut di atas. Atas dasar itu, *mufasir* memahami kehinaan dan kerendahan yang mereka alami adalah dalam pandangan hukum agama, bukan sekadar berita yang mereka alami itu adalah kenyataan hidup berdasarkan qada dan qadar ilahi.

iv. Hamka berkata: "Dari ayat ini kita mendapat ilmu tentang kenaikan dan keruntuhan suatu kaum, golongan atau bangsa. Allah SWT menjamin umat Nabi Muhammad SAW menjadi *khaira ummatin* (umat terbaik)".

v. Al-Sonhadji berkata: "Kehinaan di sini dimaknakan oleh para ahli tafsir (*mufasirin*) dengan bermacam-macam iaitu: pembunuhan, perhambaan, penahanan dan pembayaran *jizyah*".

Ayat ini menjelaskan bahawa penghinaan tersebut tidak akan lenyap selagi mereka belum berpegang dengan tali Allah SWT iaitu janji-Nya yang juga janji mereka dahulu dengan Allah untuk memeluk Islam dan berpegang dengan tali perdamaian iaitu menjadi Ahli *Zimmah* (orang yang dilindungi dengan pembayaran *jizyah*).

Semoga kita menjadi hamba Allah yang sentiasa berqiamullaili dan membaca al-Quran seterusnya mengamali dalam kehidupan.